



**MANIFESTASI RASA INSANIAH DALAM NOVEL AYAHANDA DAN
MEREKA YANG TERTEWAS**

Oleh

NORMAIZATUL ANIS BINTI AHMAD

FBMK 2022 60

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Februari 2022

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**MANIFESTASI RASA INSANIAH DALAM NOVEL AYAHANDA DAN
MEREKA YANG TERTEWAS**

Oleh

NORMAIZATUL ANIS BINTI AHMAD

Februari 2022

Pengerusi : Halis Azhan bin Mohd Hanafiah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini mengenai manifestasi rasa insaniah dalam novel *Ayahanda* karya Azizi Hj. Abdullah dan *Mereka yang Tertewas* karya Hasanuddin Md. Isa. Kedua-dua novel digarap oleh penulis yang produktif dan prolifik dalam penulisan novel berunsur Islam. Kedua-dua novel juga masih menjadi tumpuan perbincangan sehingga kini. Kajian ini bertolak daripada pemahaman bahawa kesan rasa penting diberikan tumpuan kerana dapat mendorong kepada keinsanan manusia. Walaupun sudah ada kajian terdahulu mengenai unsur insaniah dan nilai Islam, namun didapati bahawa kesan rasa yang menjadi induk kepada aspek-aspek tersebut masih kurang dilakukan sedangkan rasa itu yang mendorong kepada perlakuan keinsanan. Pengamatan juga mendapati bahawa belum ada kajian tentang rasa insaniah dilakukan dalam novel-novel yang dipilih. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengisi kelompong daripada kajian lepas. Pendekatan Model Rasa Insaniah gagasan Shamsudin Othman (2012) digunakan dengan mengaplikasikan tiga prinsip utama iaitu prinsip pengabdian kepada Allah s.w.t, prinsip pengucapan beradab dan prinsip kehalusan makna. Objektif kajian ialah untuk mengklasifikasi rasa insaniah dalam novel-novel yang dikaji, menganalisis rasa insaniah dalam novel-novel yang dikaji dan merumuskan hubungan antara rasa insaniah dengan nilai keinsanan dalam kehidupan watak-watak Muslim dalam novel-novel yang dikaji. Analisis mendapati bahawa aspek rasa takwa meliputi persoalan beriman kepada Allah, beriman kepada Rasul, beriman kepada kitab, beriman kepada malaikat, beriman kepada hari akhirat dan beriman kepada qada' dan qadar. Aspek rasa cinta akan Allah meliputi persoalan solat, mencintai Rasulullah dan jihad. Aspek rasa cinta sesama manusia meliputi persoalan tolong-menolong, kasih-sayang dan menegur kesilapan. Selain itu, ditemukan juga aspek rasa syukur dan rasa taubat. Aspek rasa rindu akan Allah meliputi persoalan berzikir dan berdoa. Rasa rindu sesama manusia meliputi persoalan rindu akan keluarga. Akhir sekali, rasa simpati dilihat kepada perasaan belas ihsan sesama manusia. Hasilnya, kajian

ini dapat membuktikan bahawa kedua-dua novel sememangnya mempunyai rasa insaniah yang mendorong kepada pembentukan keperibadian insan.

Kata kunci: Manifestasi, Rasa Insaniah, Nilai Keinsanan, *Ayahanda*, *Mereka yang Tertewas*.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Art

**MANIFESTATION OF HUMANITY SENSES IN THE NOVEL AYAHANDA
AND MEREKA YANG TERTEWAS**

By

NORMAIZATUL ANIS BINTI AHMAD

February 2022

Chair : Halis Azhan bin Mohd Hanafiah, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This research is focussing on the manifestation of humanity senses in the novel *Ayahanda* by Azizi Hj. Abdullah and *Mereka yang Tertewas* by Hasanuddin Md. Isa. Both novels are work by novelists who are productive and prolific in writing Islamic novels. The novels are still being discussed and are still the focus of discussion. This study was conducted based on the understanding that the effects of senses are important concern as the humanity senses to the humanity values. Although there have been previous studies that examine the Islamic elements and Islamic values, the effect of sense as the major indicators is still lacking while it is the ones that may initiate the human personality. There is also a need for a further study as yet no study has been done on the aspects on humanity senses in the selected novels. Therefore, this study was conducted to fill the void left from previous studies. The Humanity Senses Model approach of Shamsudin Othman (2012) are used by applying three main principles namely the principle of devotion to Allah s.w.t, the principle of polite speeches, and the principle of semantic subtlety. The objectives of this study are to classify the humanity senses in the novels studied, to analyze the humanity senses in the novels studied and to formulate the relationship between humanity senses and human values in the lives of Muslim in the novels studied. The analysis found that the sense of fear includes the question of the belief in Allah, the belief in the Prophet, the belief in the Quran, the belief in angels, the belief in the hereafter life, and the belief in qada' and qadar. The aspects of sense of love for Allah includes the question of prayer, the love for Rasulullah and the jihad. The aspects of sense of love for fellow human beings includes the question of helping each other, affection and reprimanding mistakes. Besides that, the study also found a sense of gratitude and a sense of repentance. The aspect of sense of nostalgia for Allah includes the question of dhikr and prayers. The sense of nostalgia for fellow human beings includes the question of longing for family. Finally, the sense of sympathy is seen in the feeling of compassion for other people. Thus, this

research has proven that both novels certainly has humanity senses that can drive the formation of human personality.

Keywords: Manifestation, Humanity Senses, Humanity Values, *Ayahanda*, *Mereka yang Tertewas*.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim
Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Segala Puji ke hadrat Allah s.w.t Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w.

Dengan penuh rasa syukur, pengkaji melahirkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana dengan izin dan rahmat Allah s.w.t. maka kajian ini dapat disempurnakan dalam masa yang dijangkakan.

Sehubungan itu, pengkaji ingin melahirkan jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Halis Azhan Mohd Hanafiah selaku penyelia, Prof Madya Dr. Kamariah Kamarudin dan Dr. Shamsudin Othman selaku penyelia bersama yang sentiasa memberikan kerjasama dan nasihat serta pandangan yang sangat berguna hingga tesis ini dapat disempurnakan. Pengkaji juga ingin menzahirkan ucapan yang sama kepada semua pensyarah yang terlibat yang menitipkan ilmu yang berguna semasa proses pembelajaran dijalankan. Atas segala jasa, tugas dan masa yang telah dicurahkan itu, hanya Allah sahaja dapat membaliasnya.

Akhirnya, sanjungan dan penghargaan istimewa untuk suami tercinta Zulkifli Ismail, ibu (Che Mah Salleh), seluruh ahli keluarga atas pengorbanan, kesabaran serta kasih sayang yang tiada penghujungnya. Seterusnya, terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan yang memberikan pelbagai sumbangan dan buah fikiran bagi menyiapkan penulisan tesis ini.

Wassalam

NORMAIZATUL ANIS BINTI AHMAD
Program Master Kesusastraan Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
Serdang, Selangor Darul Ehsan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Halis Azhan bin Mohd Hanafiah, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Shamsudin bin Othman, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Oktober 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Normaizatul Anis binti Ahmad, _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Dr. Halis Azhan Mohd. Hanafiah

Tandatangan:

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Profesor Madya
Dr. Kamariah Kamarudin

Tandatangan:

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Dr. Shamsudin Othman

SENARAI KANDUNGAN

| | Halaman |
|-------------------------------------------------------------------|---------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| PENGESAHAN | vi |
| PERAKUAN | viii |
| SENARAI | x |
| BAB | |
| 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 4 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 6 |
| 1.4 Objektif Kajian | 6 |
| 1.5 Pendekatan Kajian/Teori Konseptual | 7 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.7 Batasan Kajian | 9 |
| 1.8 Kriteria Pemilihan Bahan | 9 |
| 1.9 Definisi Operasional | 10 |
| 1.9.1 “Manifestasi” | 11 |
| 1.9.2 “Rasa”, “Insan”, “Rasa Insaniah” | 11 |
| 1.9.2.1 “Rasa” | 11 |
| 1.9.2.2 “Insan” | 12 |
| 1.9.2.3 “Rasa Insaniah” | 14 |
| 1.9.3 “Nilai Keinsanan” | 15 |
| 1.9.4 “Novel” | 15 |
| 2 SOROTAN KAJIAN | |
| 2.1 Pengenalan | 17 |
| 2.2 Sorotan Unsur Insaniah | 17 |
| 2.3 Sorotan Pendekatan Model Rasa Insaniah (MRI) | 32 |
| 2.4 Sorotan Novel <i>Ayahanda</i> dan <i>Mereka yang Tertewas</i> | 34 |
| 2.4.1 Kajian Novel <i>Ayahanda</i> | 34 |
| 2.4.2 Kajian Novel <i>Mereka yang Tertewas</i> | 37 |
| 2.5 Kesimpulan | 39 |
| 3 METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 Pengenalan | 41 |
| 3.2 Latar Belakang Pendekatan Model Rasa Insaniah | 41 |
| 3.3 Prinsip Model Rasa Insaniah | 47 |
| 3.3.1 Prinsip Pengabdian kepada Allah s.w.t | 48 |
| 3.3.2 Prinsip Pengucapan Beradab | 50 |
| 3.3.3 Prinsip Kehalusan Makna | 51 |
| 3.4 Reka bentuk Kajian | 53 |
| 3.4.1 Kaedah Kajian | 53 |

| | | |
|---------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 3.4.2 | Bahan Kajian | 55 |
| 3.4.3 | Pendekatan Kajian | 55 |
| 3.5 | Kerangka Kajian | 58 |
| 3.6 | Rumusan | 59 |
| 4 | ANALISIS KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 62 |
| 4.2 | Mengklasifikasi Rasa Insaniah dalam Novel <i>Ayahanda dan Mereka yang Tertewas</i> | 63 |
| 4.3 | Menganalisis Rasa Insaniah dalam Novel <i>Ayahanda dan Mereka yang Tertewas</i> | 64 |
| 4.4 | Prinsip Pengabdian kepada Allah s.w.t | 64 |
| 4.4.1 | Rasa Takwa | 64 |
| 4.4.1.1 | Beriman kepada Allah | 65 |
| 4.4.1.2 | Beriman kepada Kitab | 68 |
| 4.4.1.3 | Beriman kepada Rasul | 72 |
| 4.4.1.4 | Beriman kepada Hari Akhirat | 75 |
| 4.4.1.5 | Beriman kepada Malaikat | 78 |
| 4.4.1.6 | Beriman kepada Qada' dan Qadar | 81 |
| 4.4.2 | Rasa Cinta akan Allah | 84 |
| 4.4.2.1 | Solat | 84 |
| 4.4.2.2 | Mencintai Rasulullah | 87 |
| 4.4.2.3 | Jihad | 89 |
| 4.4.3 | Rasa Cinta sesama Manusia | 93 |
| 4.4.3.1 | Tolong-menolong | 93 |
| 4.4.3.2 | Kasih-sayang | 95 |
| 4.4.3.3 | Menegur Kesilapan | 98 |
| 4.5 | Prinsip Pengucapan Beradab | 101 |
| 4.5.1 | Rasa Syukur | 101 |
| 4.5.2 | Rasa Taubat | 103 |
| 4.6 | Prinsip Kehalusan Makna | 106 |
| 4.6.1 | Rasa Rindu akan Allah | 106 |
| 4.6.1.1 | Berzikir | 106 |
| 4.6.1.2 | Berdoa | 109 |
| 4.6.2 | Rasa Rindu sesama Manusia | 111 |
| 4.6.3 | Rasa Simpati | 113 |
| 4.7 | Merumus hubungan antara rasa insaniah dengan nilai keinsanan | 115 |
| 5 | KESIMPULAN | 119 |
| RUJUKAN | | 122 |
| LAMPIRAN | | 129 |
| BIODATA PELAJAR | | 131 |
| SENARAI PENERBITAN | | 132 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | | Halaman |
|--------------|----------------------------------------------------------------------|----------------|
| 1 | Gabungan Teori yang menghasilkan Model Rasa Insaniah | 46 |
| 2 | Pendekatan Model Rasa Insaniah | 48 |
| 3 | Prinsip Pengabdian kepada Allah | 49 |
| 4 | Prinsip Pengucapan Beradab | 51 |
| 5 | Prinsip Kehalusan Makna | 52 |
| 6 | Kerangka Konseptual Kajian | 58 |
| 7 | Klasifikasi Rasa Insaniah berdasarkan pendekatan Model Rasa Insaniah | 63 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menurut Nurazmi Kuntum (1991: 16), kemunculan novel berunsur Islam pertama di alam Melayu mula dikesan pada tahun-tahun 1920-an iaitu karya Syed Syeikh Al-Hadi yang bertajuk *Hikayat Faridah Hanum* (1926). Menurut Mana Sikana (1983), walaupun *Hikayat Faridah Hanum* tidak menzahirkan konsep sastera Islam secara jelas, tetapi karya tersebut dikatakan sarat dengan nilai-nilai Islam secara tersirat. Oleh yang demikian, Mana Sikana (1983) menegaskan bahawa *Hikayat Faridah Hanum* mampu memberikan nilai dan pengajaran kepada pembaca kerana ia mengandungi unsur keagamaan yang bertepatan dengan Islam.

Dunia sastera Melayu menyaksikan sastera Islam semakin berkembang sekitar tahun-tahun 1970-an dan menjadi perbincangan dalam kalangan tokoh-tokoh sastera Melayu Islam seperti Ismail Ibrahim, Shahnon Ahmad, Muhammad Kamal Hassan, Lutfi Abas, Ismail Hamid, Shafie Abu Bakar, Muhammad Uthman El Muhammady, Hashim Musa, Sidi Ghazalba, Yusof Zaky Yaakob dan lain-lain (Nurazmi Kuntum, 1991: 21-22). Malah, perbicaraan mengenai sastera Islam semakin hangat dibincangkan setelah Shahnon Ahmad menulis tentang sastera Islam dalam ruangan Sudut Pandangan majalah *Dewan Bahasa* keluaran bulan Julai tahun 1977. Menurut Shahnon Ahmad (1977), bersastera mengikut Islam wajib dilakukan kerana Allah dan berhikmah kepada manusia. Hal ini adalah kerana, Shahnon Ahmad berpendapat bahawa “sastera Islam” adalah berbudaya, berseni atau bersastera yang berpaksikan Islam iaitu beribadah dan berbakti kerana Allah s.w.t. Jelasnya lagi, pengertian beribadah itu membawa cakupan yang luas iaitu melibatkan segala perbuatan manusia dan bukan hanya sekadar ibadah puasa, solat dan berzakat. Dalam beribadah (sebagaimana dalam proses penciptaan karya sastera), adalah wajib bertolak daripada tauhid iaitu keyakinan seluruh jiwa akan keesaan dan ketunggalan Allah (Shahnon Ahmad, 1977: 427).

Selain itu, Ismail Ibrahim (1977) juga menyatakan bahawa sastera Islam merupakan penulisan yang berasaskan tauhid. Beliau juga menjelaskan bahawa sikap penyair pada zaman Rasulullah yang terlalu mengikut imaginasi telah ditentang oleh agama Islam. Oleh itu, Allah telah menegaskan bahawa penyair-penyair tersebut adalah sesat kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh iaitu hati yang dipenuhi akidah yang benar (keimanan dan tauhid). Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa penulis yang berjiwa tauhid ialah seorang yang beriman dan menggunakan akal dengan ajaran agama Islam dalam menghasilkan karya untuk jalan Allah.

Berikut daripada pandangan Shahnon Ahmad dan Ismail Ibrahim tentang sastera Islam turut mengundang Shafie Abu Bakar dalam memberikan pandangan berkenaan sastera Islam. Menurut Shafie Abu Bakar (1978: 51), sastera Islam mempunyai tahap tertentu yang tidak mudah dicapai oleh sembarang orang. Malah, sastera Islam perlu membawa nilai keislaman dalam hasil penulisan dan keterlibatan penulisnya dengan kehidupan Islam yang sebenar. Tambah Shafie Abu Bakar (1978: 51) lagi, perkembangan bidang sastera dan Islam iaitu bidang Sastera Melayu Islam dapat dibahagikan kepada tiga ciri. Ciri yang pertama adalah sastera itu ditulis oleh masyarakat Melayu Islam serta tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Ciri yang kedua pula adalah sastera berbentuk Islam yang ditulis dalam bahasa Melayu dan mutunya meningkat ke tahap yang benar-benar dapat dipertahankan nilai keislamannya. Ciri yang ketiga adalah sastera yang mungkin bercanggah dengan ajaran Islam perlu dilakukan pengawasan supaya tidak lahir karya yang tidak menepati ajaran Islam.

Perbincangan oleh para sarjana sastera tersebut telah membawa kepada perlunya perhatian yang lebih lagi dalam dunia sastera. Oleh itu, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan peraduan mengarang cerpen, novel, drama dan puisi berunsur Islam sempena menyambut abad ke-15 Hijrah (Nurazmi Kuntum, 1991: 22). Malah, polemik sastera Islam pada Ogos 1977 turut menghangatkan lagi perbincangan mengenai sastera Islam yang dicetuskan oleh Shahnon Ahmad dan Kassim Ahmad (Nurazmi Kuntum, 1991: 171). Shahnon Ahmad (1982: 25-28) menyatakan bahawa karya sastera Islam ialah karya sastera yang berakhhlak, bersifat ibadah dan jelas, dan diterapkan oleh penulis dengan teknik yang berkesan. Oleh sebab itu, Shahnon Ahmad menjelaskan bahawa seorang penulis perlu memahami tugasnya sebagai seorang Islam dalam menghasilkan karya dengan amanat-amatan Islam. Namun begitu, berbeza pula dengan pendapat Kassim Ahmad (1982) yang menyatakan bahawa karya sastera yang membawa amanat Islam adalah tergolong sebagai karya sastera Islam tanpa mengambil kira latar belakang penulisnya. Berdasarkan kenyataan Kassim Ahmad, beliau menjelaskan bahawa karya sastera Islam perlulah berhubungan dengan akidah, falsafah atau pandangan hidup penulis dan bukannya pada teknik penulisan (Kassim Ahmad, 1982: 27).

Shahnon Ahmad (1981: 40) menjelaskan lagi bahawa hubungan kesusasteraan dengan Islam juga telah menghasilkan kesusasteraan yang bermanifestasikan kehidupan, iaitu ucapan atau tulisan yang terhasil dari tamadun peradaban manusia yang memenuhi syarat-syarat etika (akhhlak) dan estetika menurut penilaian Islam. Hal ini bermakna, sastera yang bermanifestasikan kehidupan ini adalah dicipta mengikut fitrah manusia. Malah, agama Islam menjadi sistem ibadah yang berperanan sebagai peraturan hidup manusia berdasarkan perihal fitrah tersebut. Oleh itu, Shahnon Ahmad (1981) menyimpulkan bahawa bersastera adalah perlu mengikut fitrah manusia sebagaimana yang memenuhi tuntutan kehidupan manusia yang beragama Islam. Berdasarkan pandangan Shahnon Ahmad tersebut, dapatlah difahami bahawa sastera merupakan satu ibadah yang berupa seni dan berperanan menyeru manusia ke jalan yang benar. Justeru itu, sastera mampu

mempengaruhi akhlak dan keperibadian pembaca kerana fungsi sastera Islam tidak hanya terbatas kepada seni dalam tulisan sahaja malah sastera mempunyai peranan yang besar dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat. Kesan daripada polemik tersebut telah mengundang pelbagai perbahasan oleh para cendekiawan lain dan turut menyumbangkan lagi idea dan buah fikiran mengenai sastera Islam di alam Melayu.

Seterusnya, Nurazmi Kuntum (1991: 197) menyatakan bahawa sastera Islam merangkumi ilmu agama dan amalan agama dalam konteks kesusasteraan dengan memuatkan tentang hal-hal kejiwaan manusia yang bertujuan memberi pendidikan kepada pembaca. Ma'amor Yusoff & Norasiah Hj. Abdullah (2016: 133) menjelaskan pernyataan Shafie Abu Bakar bahawa sastera Islam adalah gambaran daripada sesuatu masyarakat dan berfungsi untuk membimbing manusia menghayati nilai-nilai yang lebih sempurna. Hal ini bermakna sastera berperanan membentuk sahsiah dan nilai keinsanan manusia. Malah, sastera berperanan penting kepada masyarakat dalam memberikan pendidikan dan pengajaran kerana penceritaan dalam sastera bukan sahaja memaparkan pengalaman membaca tetapi juga memberikan pengajaran kepada pembaca. Ma'amor Yusoff & Norasiah Hj. Abdullah (2016) juga menyatakan bahawa pendidikan sastera berkait rapat dengan pembentukan sahsiah dan perwatakan, mempertajamkan rasa terhadap nilai dan mendekatkan seseorang masyarakat dengan hampir keseluruhan daripada lingkaran hidup manusia. Dengan kata lain, hal-hal ini akhirnya membentuk insan yang dapat membezakan kebaikan dan keburukan. Kenyataan ini juga bertepatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Zahir Ahmad (2005: 264-265) bahawa hampir keseluruhan karya sastera Melayu mempunyai nilai-nilai mendidik secara langsung atau tidak langsung. Contohnya, penulisan tentang cerita-cerita hal kenabian dan lain-lain seperti yang terdapat dalam genre sajak, pantun, hikayat, cerita rakyat, novel, syair dan sebagainya mempunyai peranan dalam membentuk akhlak dan keperibadian manusia. Oleh sebab itu, sastera berperanan sebagai medium didikan dalam membentuk keperibadian manusia.

Rentetan daripada perkembangan perbincangan mengenai sastera Islam ini, hal-hal kerohanian yang berkaitan aspek kejiwaan dan keinsanan manusia turut menjadi tumpuan perbahasan dalam karya sastera. Menurut Shamsudin Othman (2012: 90), aspek keinsanan dapat difahami sebagai sifat-sifat terpuji dan mulia manusia serta mempunyai hubungan makna dengan akhlak (adab) dan tanggungjawab terhadap kehidupan mereka. Jelasnya lagi, manusia diciptakan mempunyai kelebihan akal dan bertanggungjawab untuk memegang amanah sebagai khalifah di muka bumi. Maka, jelas bahawa sastera Islam mampu mengungkap perbincangan mengenai hal-hal kerohanian dan nilai keinsanan dalam karya.

Berdasarkan beberapa pandangan sarjana yang telah dikemukakan, terdapat keperluan kajian mengenai aspek rasa insaniah ini dilakukan kerana aspek ini dianggap penting bagi menemukan dapatan baharu daripada aspek kesan rasa dalam membentuk nilai keinsanan yang dinilai melalui sikap dan perlakuan watak yang dipilih dalam novel-novel yang dikaji. Kajian ini berhasrat

menilai “kesan rasa” yang hadir dalam membentuk nilai keinsanan yang ditonjolkan oleh watak yang dikaji. “Kesan rasa” yang dimaksudkan adalah perasaan yang terbit daripada kesedaran insan terhadap pengabdian diri kepada Allah s.w.t (Shamsudin Othman, 2012: 7). Hal ini kerana, “rasa” yang lahir daripada jiwa manusia dilihat berupaya menjadi penggerak kepada setiap perlakuan manusia. Tambah Shamsudin Othman (2012: 78-79) lagi, Islam telah meletakkan rasa atau perasaan manusia pada kedudukan yang mulia kerana rasa tersebut akan menentukan tahap kecintaan manusia kepada Allah. Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawa manusia yang mempunyai sifat-sifat baik akan dapat membentuk keperibadian ke arah pembentukan insan yang seimbang dan harmonis. Shamsudin Othman juga menyatakan bahawa perasaan merupakan fitrah kejadian manusia yang dianugerahkan oleh Allah dan perlu mempunyai kekuatan penghayatan terhadap gerak rasa untuk menjadikan manusia bertindak dengan lebih bijaksana. Justeru itu, novel berunsur Islam mampu membawa aspek rasa insaniah dengan membentuk nilai keinsanan dalam karya yang dapat mendidik masyarakat pembaca.

1.2 Permasalahan Kajian

Berdasarkan pengamatan terhadap kajian-kajian sebelumnya, didapati bahawa kajian yang sedia ada telah memberikan beberapa pemahaman yang berguna dalam menentukan fokus kajian ini. Pengamatan mendapati bahawa sudah ada sejumlah kajian yang mengkaji tentang unsur-unsur insaniah dalam pelbagai genre sastera Melayu seperti cerpen, puisi, novel dan sebagainya. Sehingga kini telah ada sejumlah kajian ilmiah baik yang diusahakan dalam bentuk tesis maupun kajian-kajian kecil dalam bentuk makalah dan kertas kerja yang mengkaji aspek-aspek yang berbeza. Aspek ini antaranya melibatkan pemilihan dari segi skop, topik dan pemilihan bahan kajian.

Berdasarkan pemerhatian terhadap kajian-kajian lepas, didapati bahawa pengkaji cenderung terhadap aspek personaliti, akhlak, modal insan, perwatakan, fitrah, dakwah, pendidikan keinsanan, tarbiah, islah, nilai insaniah, nilai Islam, nilai akhlak, sikap, sahsiah, tauhid, moral, nilai murni, citra manusia dan kemanusiaan, nilai kemanusiaan, unsur Islam dan aspek akidah. Bagi mencapai hasrat kajian, para pengkaji lepas telah menggunakan pelbagai pendekatan sastera yang bersesuaian dengan aspek kajian bagi menemukan hasil kajian mereka.

Antara beberapa kajian lepas yang dilihat mempunyai unsur insaniah adalah kajian dari sudut akhlak dan personaliti sebagaimana kajian ilmiah oleh Rahimah Hamdan (2021) tentang personaliti, Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi dan Siti Faridah Leong Abdullah (2021) tentang akhlak kepimpinan, Zaidi Ahmad, Azhar Abdul Wahid dan Abdul Halim Ali (2020) tentang pembentukan modal insan, Abdul Halim Ali dan Ida Roziana Abdullah (2018) tentang perwatakan wanita Melayu Muslim, Nursuhada Md Arifin dan Kamariah Kamarudin (2017) tentang personaliti Islam, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi (2016) tentang akhlak Islamiah, Siti Rabeah Masri,

Kamariah Kamarudin dan Pabiyah Haji Maming (2013) tentang personaliti Muslimah dan perkembangan insan al-Kamil, Tengku Intan Marliana Tengku Mohd. Ali dan Salinah Ja'far (2012) tentang sikap dan akhlak Islamiah dan Siti Rabeah Masri (2012) tentang sahsiah Muslimah. Pengamatan awal mendapati bahawa kajian-kajian tersebut memfokuskan kepada aspek pembentukan akhlak dan personaliti watak yang Kajian ini didapati berkecenderungan untuk mendasari unsur-unsur akhlak dan personaliti yang membabitkan watak dalam novel.

Selain itu, pengamatan juga mendapati bahawa kajian-kajian lepas juga cenderung kepada topik yang berkaitan dengan aspek akidah dan tauhid. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian oleh Intan Zahariah Gaisun dan Arba'ie Sujud (2019) tentang fitrah, Muhamad Amirul Asraf Mohd Darawi dan Kamariah Kamarudin (2018) tentang akidah, Samsina Abd Rahman (2013) yang mengkaji tentang fitrah manusia dan juga kajian oleh Faisal Tehrani (2010) yang mengkaji tentang tauhid dan kepemimpinan. Kajian mereka menjurus kepada aspek fitrah dan tauhid yang ditonjolkan dalam novel. Rata-rata kajian ini menyentuh pegangan diri insan terhadap Islam yang akhirnya menjurus kepada pembentukan akhlak mengikut syariat Islam.

Seterusnya, penelitian juga mendapati bahawa kajian lepas turut mengkaji tentang aspek tarbiah (pendidikan) seperti yang dikaji oleh Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019) tentang aspek dakwah, Maisarah Yaacob (2017) tentang unsur tarbiah, Maisarah Yaacob, Maharam Mamat, dan Norasiah Abdullah (2013) tentang pendidikan keinsanan, Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah (2012) yang mengkaji tentang tarbiah (pendidikan) dan Kamariah Kamarudin (2011) tentang nilai tarbiah dan islah. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian tersebut, pengamatan awal telah menemui beberapa persamaan dari segi aspek kajian lepas iaitu peranan agama Islam dalam membentuk keperibadian diri yang mulia. Kajian-kajian lepas ini juga banyak menyentuh isu pendidikan dan kepentingannya dalam karya sastera Melayu yang berpandukan kepada ajaran Islam iaitu dalam pembinaan watak manusia yang menjurus kepada pembentukan sahsiah atau akhlak yang baik.

Selain itu juga, terdapat juga kajian lepas yang cenderung kepada topik berkaitan dengan nilai dan moral. Antaranya, kajian oleh Muhammad Nur AlHakim Mohd Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) tentang nilai Islam, Nur Syazwani Bederohisham dan Zubir Idris (2021) tentang unsur Islam, Mohd Shukrey Ahmad dan Kamariah Kamarudin (2018) tentang nilai Islam, Siti Norain Mazuki (2013) tentang nilai insaniah, Abdul Rani (2013) tentang nilai-nilai akhlak Islam, Rida Yatun, Chairil Effendy dan Sesilia Seli (2013) mengkaji tentang nilai Islami, Nora Mohamed Nor (2006) tentang moral dan nilai murni, Ani Hj Omar (2005) mengkaji tentang citra manusia dan kemanusiaan dan Nyia See Keng (2004) tentang nilai-nilai kemanusiaan. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian tersebut, pengamatan awal mendapati bahawa nilai-nilai yang dikaji menumpukan kepada nilai-nilai dalam pembentukan akhlak insan dan moral yang bersesuaian dengan ketetapan ajaran agama Islam.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, didapati bahawa sehingga kini sudah ada kajian yang menyentuh aspek yang terkandung dalam unsur insaniah dan nilai-nilai Islam dalam karya. Kajian tersebut membincangkan tentang aspek personaliti, akhlak, modal insan, perwatakan, fitrah dan sebagainya dalam membentuk akhlak dan keperibadian Islam. Walau bagaimanapun, kajian mengenai kesan rasa didapati kurang dilakukan. Hal ini kerana, ramai pengkaji hanya memberi tumpuan terhadap unsur insaniah dan nilai-nilai Islam secara umum tanpa mengenangkan induk dan asas kepada aspek-aspek tersebut iaitu rasa insaniah dalam kajian sedangkan rasa inilah yang mendorong kepada perlakuan keinsanan manusia. Sehubungan dengan pengamatan terhadap lompang-lompang yang terserlah dalam kajian-kajian lepas inilah, kajian ini dilakukan untuk mengisi kelompong hasil penelitian terhadap kajian-kajian lepas mengenai kajian berkaitan aspek rasa insaniah dalam novel yang dipilih dan melihatnya sebagai suatu unsur penting dalam pembentukan akhlak manusia Islam. Aspek rasa insaniah ini dilihat terserlah dalam novel-novel kajian dan perlu dianalisis secara mendalam dan komprehensif. Rasa insaniah dalam konteks kajian ini akan dilihat pada watak Islam, mempunyai kesedaran sebagai Islam serta melaksanakan tuntutan ibadah dan tanggungjawab sesuai dengan fitrah dan *amal makruf nahi mungkar*. Selain itu, pengamatan juga mendapati bahawa aspek rasa insaniah ini masih belum dikaji dalam kedua-dua novel yang dipilih. Bacaan awal mendapati bahawa novel yang dipilih iaitu *Ayahanda* dan *Mereka yang Tertewas* ini rata-ratanya berkisarkan kisah watak Muslim yang hidup dalam ajaran Islam dan menghadapi pelbagai cabaran dan ujian dalam kehidupan mereka. Oleh itu, novel ini relevan dijadikan bahan kajian kerana bersesuaian dengan aspek yang hendak dikaji. Justeru, kajian ini yang bertajuk “Manifestasi Rasa Insaniah dalam Novel *Ayahanda* dan *Mereka yang Tertewas*” dilakukan bagi memenuhi ruang kosong daripada kajian lepas.

1.3 Persoalan Kajian

Tiga persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Apakah jenis-jenis rasa insaniah yang terdapat dalam novel-novel yang dikaji?
2. Bagaimanakah rasa insaniah ini disampaikan dalam novel-novel yang dikaji?
3. Apakah hubungan antara rasa insaniah dengan nilai keinsanan dalam kehidupan watak-watak Muslim dalam novel-novel yang dikaji?

1.4 Objektif Kajian

Lanjutan daripada persoalan-persoalan yang dibangkitkan di atas, kajian ini menggariskan tiga objektif seperti yang berikut:

1. Mengklasifikasi rasa insaniah dalam novel-novel yang dikaji.
2. Menganalisis rasa insaniah dalam novel-novel yang dikaji.
3. Merumuskan hubungan antara rasa insaniah dengan nilai keinsanan dalam kehidupan watak-watak Muslim dalam novel-novel yang dikaji.

1.5 Pendekatan Kajian/Teori Konseptual

Kajian ini merupakan kajian yang memanfaatkan kaedah analisis teks. Perbincangan dalam kajian ini akan dilakukan dengan melihat manifestasi rasa insaniah yang ditonjolkan melalui nilai keinsanan watak-watak Muslim yang dipilih dalam novel yang dikaji. Menurut Shamsudin Othman (2012: 27), rasa insaniah merupakan perasaan yang mendorong seseorang insan berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran. Oleh itu, bagi menganalisis objektif pertama, kajian akan mengklasifikasikan rasa insaniah berdasarkan pendekatan Model Rasa Insaniah. Rasa insaniah akan diklasifikasikan berdasarkan tiga prinsip yang diketengahkan dalam pendekatan MRI iaitu prinsip pengabdian kepada Allah, prinsip pengucapan beradab dan prinsip kehalusan makna. Setelah itu, di bawah setiap prinsip akan dipecahkan kepada rasa-rasa insaniah yang dikemukakan dalam pendekatan. Seterusnya, di bawah setiap rasa itu mempunyai persoalan-persoalan yang berkaitan dengan nilai keinsanan watak dalam novel.

Bagi menganalisis objektif kedua pula, tatacara analisis perbincangan dalam kajian ini akan dilakukan berdasarkan prinsip pendekatan Model Rasa Insaniah. Pertama, watak Muslim tersebut perlu menyedari bahawa mereka sebagai seorang Islam. Seseorang Islam itu hendaklah mengabdikan diri dan menjalankan ibadah yang sejajar dengan syariat Islam. Dengan itu watak Muslim itu dijangka dapat menjalani kehidupan sesuai dengan fitrahnya.

Seterusnya, berdasarkan prinsip Model Rasa Insaniah juga kajian akan melihat cara watak Muslim menghadapi ujian yang diberikan oleh Allah s.w.t dalam menghadapi kehidupan masing-masing. Oleh itu, watak Islam itu hendaklah berusaha mengatasi ujian dan konflik dalam kehidupannya dengan mematuhi syariat Islam iaitu dengan berusaha dan tawakal kepada Allah. Dengan itu watak itu dijangka dapat memperlihatkan kesediaan seseorang Muslim untuk memikul tanggungjawabnya sebagai hamba Allah.

Akhir sekali, berdasarkan prinsip Model Rasa Insaniah juga watak Muslim tersebut perlu bertindak sewajarnya dengan mempertimbangkan perasaan dan pemikiran yang sejajar dengan Islam yang pada akhirnya dijangka dapat menunjukkan akhlak serta nilai keinsanan diri mereka yang sesuai dengan fitrah. Ini kerana dalam sesebuah kehidupan, setiap tindakan yang dilakukan semestinya didorong oleh perasaan yang akan membawa kepada sebuah kesan atau perolehan pada akhirnya.

Bagi menganalisis objektif ketiga pula, rasa insaniah yang ditemukan akan dirumus hubungannya dengan nilai keinsanan. Dalam konteks kajian, rasa insaniah menjadi pendorong kepada pembentukan nilai keinsanan. Dengan itu watak itu dijangka dapat memperlihatkan nilai keinsanan seseorang Muslim didorong oleh rasa insaniah untuk menjalani kehidupan sebagai hamba dan khalifah Allah.

Bagi menganalisis objektif-objektif kajian, kajian ini akan menggunakan pendekatan Model Rasa Insaniah yang diperkenalkan oleh Shamsudin Othman (2012). Pendekatan ini menekankan aspek rasa insaniah manusia dalam menggambarkan nilai keinsanan manusia yang beragama Islam. Melalui kesan rasa manusia ini, Shamsudin Othman (2012) mengemukakan tiga prinsip penting dalam gagasan ini. Pendekatan Model Rasa Insaniah terdiri daripada tiga prinsip penting iaitu prinsip pengabdian diri kepada Allah s.w.t yang terdiri daripada rasa takwa dan rasa cinta, prinsip pengucapan beradab yang terdiri daripada rasa syukur dan rasa taubat dan prinsip kehalusan makna yang terdiri daripada rasa rindu dan rasa simpati. Oleh itu, ketiga-tiga prinsip akan diterapkan dengan mengesan rasa insaniah yang ditonjolkan pada diri watak Muslim yang dipilih yang akhirnya akan menonjolkan nilai keinsanan diri mereka. Ketiga-tiga prinsip ini tidak hadir secara kendiri akan tetapi saling melengkapi dan bersifat kesatuan yang saling memerlukan.

Kesimpulannya, kajian dibincangkan dalam melihat rasa insaniah yang akhirnya membawa kepada nilai keinsanan manusia. Maka jelaslah bahawa pendekatan Model Rasa Insaniah yang berhasil dengan kecenderungan terhadap kejiwaan manusia dalam kehidupan yang berteraskan pengabdian kepada Allah ini berhubung rapat dengan keperibadian Muslim. Penjelasan yang lebih terperinci mengenai gagasan teori ini akan dibincangkan secara menyeluruh pada Bab 3 kajian ini.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilakukan kerana beberapa sebab. Pertama, kajian ini mengkaji manifestasi rasa insaniah yang dilihat pada watak protagonis yang dipilih dalam bahan kajian. Tumpuan kajian ini tidak hanya melihat nilai keinsanan yang dibentuk secara luaran tetapi melihat kesan rasa yang menjadi pendorong kepada pembentukan peribadi insan yang bertepatan dengan ajaran Islam. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada masyarakat pembaca yang ingin mengetahui lebih mendalam lagi mengenai rasa insaniah yang membentuk nilai keinsanan manusia Islam. Secara tidak langsung, penulis akan memaparkan rasa insaniah yang menjadi pendorong kepada nilai-nilai keinsanan dalam karya kepada pembaca supaya mereka dapat mengetahui tentang rasa yang menjadi pendorong kepada sesuatu perlakuan manusia. Kajian ini penting atas tujuan pendidikan dalam aspek kejiwaan manusia kerana ia melihat nilai keinsanan dan faktor kesan rasa yang mempengaruhi nilai-nilai tersebut.

Kedua, kajian ini diharapkan dapat memberi penambahan bahan ilmiah kepada pihak penerbit sama ada kepada mana-mana organisasi dan universiti yang berkaitan. Hasil kajian akan dijadikan sebagai bahan rujukan untuk menambahkan maklumat dan koleksi kajian yang dapat menyumbang kepada sumber ilmiah yang dapat digunakan oleh pengkaji seterusnya. Kajian ini akan menambahkan lagi sumber kajian sastera dalam genre berkaitan dan seterusnya menyumbang ke arah pembangunannya.

Ketiga, kajian ini diharapkan dapat membuka ruang kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk melihat rasa insaniah yang membentuk nilai keinsanan. Kajian ini akan menambahkan lagi sumber kajian sastera dalam perbincangan intelektual dengan lebih mendalam dan dapat menjadi pemangkin dalam memberikan gambaran terhadap aspek rasa insaniah dalam sastera Islam itu sendiri.

Akhir sekali, kajian ini penting untuk perkembangan kritikan kesusasteraan Melayu. Kajian ini menyajikan bahan ilmu yang bermanfaat seiring dengan skop kesusasteraan Melayu yang semakin melebar dan meluas pada hari ini. Secara tidak langsung, kajian ini dapat menjadi bahan tambah kepada penulisan sastera Melayu.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian merangkumi beberapa aspek seperti aspek kajian, batasan bahan dan pendekatan yang akan digunakan bagi melakukan kajian secara berfokus. Sebagaimana yang telah dibangkitkan dalam permasalahan kajian, kajian ini dilakukan untuk mengkaji aspek rasa insaniah dalam novel terpilih. Kajian ini hanya terbatas kepada dua buah novel sahaja iaitu novel *Ayahanda* hasil karya Azizi Hj. Abdullah dan *Mereka yang Tertewas* karya Hasanuddin Md. Isa. Bacaan awal mendapati bahawa kedua-dua novel membicarakan tentang kehidupan manusia Islam yang berusaha membentuk keperibadian diri. Kerelevanannya kedua-dua novel dipilih juga kerana pernah memenangi hadiah penulisan sastera dan pernah menjadi teks sekolah.

Berdasarkan dua buah novel yang dipilih, kajian ini akan menganalisis rasa insaniah berdasarkan tiga prinsip utama dalam pendekatan Model Rasa Insaniah gagasan Shamsudin Othman (2012) iaitu prinsip pengabdian kepada Allah melalui rasa takwa, rasa cinta akan Allah dan rasa cinta sesama manusia, prinsip pengucapan beradab melalui rasa syukur dan rasa taubat, dan prinsip kehalusan makna melalui rasa rindu akan Allah, rasa rindu sesama manusia dan rasa simpati. Kerelevanannya pemilihan pendekatan MRI adalah kerana dilihat bersesuaian dengan aspek kajian dan pendekatan ini cenderung menyentuh aspek kejiwaan manusia dari sudut kesan rasa dalam membentuk keperibadian diri yang berteraskan Tauhid (keyakinan kepada Allah s.w.t) yang dapat diaplikasikan pada watak terpilih dalam novel *Ayahanda* dan *Mereka yang Tertewas*.

1.8 Kriteria Pemilihan Bahan

Bahan kajian yang digunakan ialah dua buah novel yang terpilih iaitu novel *Ayahanda* (2001) karya Azizi Hj. Abdullah dan novel *Mereka yang Tertewas* (1991) karya Hasanuddin Md Isa. Karya-karya yang dipilih pernah memenangi anugerah dan memaparkan kisah hidup watak yang beragama Islam. Malah,

kedua-dua novel adalah malar hijau dan masih diperkatakan sehingga kini. Novel *Ayahanda* telah diterbitkan oleh Creative Enterprise Sdn. Bhd dan telah diulang cetak sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1997, 1999 dan 2001. Novel ini dipilih kerana banyak mendapat perhatian para pengkaji lepas yang telah mengkajinya dari pelbagai aspek. Manakala, novel *Mereka yang Tertewas* pula telah dicetak oleh Inventra Print Sdn. Bhd sebanyak dua kali. Cetakan pertama novel ini adalah pada tahun 1989 dan seterusnya cetakan pertama edisi pelajar diterbitkan pada tahun 1991. Novel ini pernah menjadi teks sastera sekolah menengah memenangi hadiah khas Hadiah Penghargaan Sayembara Hadiah Sastera Berunsur Islam anjuran Yayasan Pelajaran Islam dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1988. Berdasarkan maklumat umum setiap novel ini, dapat disimpulkan bahawa novel-novel tersebut telah diperakukan kredibilitinya sebagai novel yang berkualiti dan mempunyai nilai didikan kepada masyarakat.

Bacaan awal menemukan bahawa kedua-dua novel dibangkitkan sejajar dengan gerakan Islam di Malaysia dengan menyahut seruan sastera Islam yang selari dengan perkembangan semasa dunia kesusasteraan Islam. Walaupun kedua-dua novel diterbitkan pada tahun-tahun 1990-an, tetapi tema yang dibawa adalah malar hijau sehingga kini dan dekat dengan diri masyarakat. Oleh itu, dalam konteks kesusasteraan Islam Negara, ia dilihat memberi kesejarahan kepada kajian.

Selain itu, novel ini juga merupakan hasil penulisan seorang penulis yang prolifik dalam bidang penulisan sastera berunsur Islam. Setiap novel juga dipilih kerana mengandungi penceritaan yang bersesuaian dengan konsep kajian yang menceritakan perihal kehidupan manusia Islam. Kedua-dua novel adalah berkisarkan kehidupan watak beragama Islam yang sedang membentuk keperibadian diri serta terdapat unsur-unsur Islam dalam kehidupan harian. Kewajaran kedua-dua novel untuk dikaji adalah kerana berdasarkan pengamatan terhadap kajian-kajian lepas belum ada kajian tentang aspek rasa yang dilakukan terhadap novel-novel tersebut. Kerelevan pemilihan novel juga adalah kerana ada di antara novel-novel ini telah diadaptasi ke media lain (media elektronik) seperti filem, drama dan ada juga yang pernah memenangi anugerah. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa novel-novel ini masih mendapat perhatian sehingga kini.

1.9 Definisi Operasional

Dalam mengkaji rasa insaniah dengan lebih terperinci, beberapa istilah dan konsep perlu diberi takrifan dengan mendalam yang akan menjurus kepada perbincangan yang lebih terarah. Hal ini kerana istilah ini akan digunakan secara meluas dalam kajian ini. Terdapat beberapa perkataan yang perlu diberikan pemaknaan yang terperinci iaitu “manifestasi”, “rasa”, “insan”, “rasa insaniah”, “nilai keinsanan” dan “novel”.

1.9.1 “Manifestasi”

Kamus Dewan edisi keempat (2007: 994) mentakrifkan “manifestasi” sebagai perbuatan seperti ucapan dan sebagainya yang memperlihatkan sesuatu atau menjadikannya nyata.

Fauzi Hasan (2022: 89) menjelaskan pernyataan Rosenberg & Hovland yang menyatakan bahawa manifestasi merupakan suatu reaksi afektif iaitu sebahagian daripada sikap, iaitu perasaan yang bertindak sebagai elemen penilaian. Tingkah laku tersebut merupakan unsur yang menggambarkan sikap seseorang. Sikap yang ditunjukkan adalah satu manifestasi daripada emosi. Justeru, manifestasi yang dipaparkan dalam sesuatu cerita akan menjadikan penceritaan lebih menarik, menyampaikan mesej dan meluaskan cerita yang disampaikan. Selain itu, Hatta Azad Khan (2012: 2) menyatakan bahawa manifestasi dilihat sebagai suatu bukti atau kenyataan yang memberi penunjuk kepada sesuatu keadaan.

Selain itu, Tchiki Davis (2022) menyatakan bahawa; “*manifestation*” means to create something or turn something from an idea into a reality. In psychology, *manifestation* generally means using our thoughts, feelings, and beliefs to bring something to our physical reality. Pernyataan Tchiki Davis tersebut menjelaskan bahawa sesuatu tindak-tanduk manusia adalah penzahiran daripada unsur pemikiran, perasaan dan kepercayaan manusia.

Justeru, berdasarkan beberapa pandangan di atas, manifestasi dapat difahami sebagai satu bentuk penzahiran tingkah laku dan keperibadian diri manusia yang didorong oleh perasaan dan pertimbangan pemikiran manusia. Oleh itu, dalam skop kajian ini manifestasi dapat difahami sebagai suatu pembentukan peribadi manusia yang terdiri daripada unsur rohani iaitu perasaan sebagai pendorongnya.

1.9.2 “Rasa”, “Insan”, “Rasa Insaniah”

1.9.2.1 “Rasa”

Menurut Lutfi Abas (1995: 71), masyarakat Melayu melihat rasa sebagai gerak hati, iaitu keadaan hati yang apabila mengalami sesuatu keadaan seperti rasa sedih mereka akan menangis sehinggalah ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu rasa cinta yang menggambarkan kegembiraan. Pengalaman estetik ini akan mencetuskan kesan sehingga boleh menyebabkan tindak balas yang lain. Sebagai contoh, rasa sedih akan mengakibatkan tangisan, rasa gembira akan menyebabkan ketawa dan sebagainya.

Menurut Ibnu Al-Jauziy (2005: 10), rasa dalam konteks tindak tanduk manusia merujuk kepada satu kesan rangsangan dan tindak balas daripada emosi manusia akibat daripada sesuatu peristiwa. Kesan emosi ini boleh dilihat sama ada berada dalam keadaan suka atau duka.

Sayyid Siddik (1990: 24-25) menyatakan bahawa rasa dalam konteks Islam ialah perasaan yang berkaitan dengan keindahan dan keindahan itu adalah percikan dari cahaya Pencipta (Allah) yang dapat menunjuk manusia kepada jalan kebenaran, mendidik jiwa dan membentuk hati manusia dengan perasaan kasih sayang. Hal ini bermakna, Islam meletakkan rasa atau perasaan manusia pada kedudukan yang mulia kerana rasa akan menentukan tahap kecintaan manusia kepada Allah. Manusia yang mempunyai sifat-sifat baik akan dapat membentuk peribadinya ke arah pembentukan insan yang harmonis dan seimbang. Rasa merupakan fitrah kejadian manusia yang dianugerahkan oleh Allah perlu mempunyai kekuatan penghayatan terhadap gerak rasa untuk menjadikan manusia dapat bertindak dengan lebih bijaksana.

Zakaria Setapa (2001: 39) menyatakan bahawa rasa perlu dilihat dan dirujuk kepada konsep insaniah iaitu sifat-sifat tabii manusia supaya hakikat kejadian insan yang bertolak daripada tabii rasa manusia itu tidak lari daripada proses *tazkiyat al-nafs* (pembersihan jiwa) dan dapat menghuraikan makna yang tersirat di dalam kejadian alam.

Selain itu, menurut Kart. G. Heider (1991: 31-32) menjelaskan rasa sebagai satu aliran emosional yang merangkumi konsep *kausal* (benar dan tetap kewujudannya). Menurutnya, kewujudan rasa dalam diri manusia sukar ditafsirkan kerana rasa itu wujud secara semula jadi.

Kesimpulannya, berdasarkan beberapa tafsiran dan pandangan sarjana Islam terhadap rasa menjelaskan bahawa rasa ialah sentuhan daripada tindak balas dalaman yang boleh menimbulkan kesan dan impak ke dalam jiwa atau emosi insan tidak kira sama ada yang terkesan di dalam jiwa itu sesuatu yang menggembirakan atau mendukakan. Daripada persepsi Islam, rasa adalah sifat dalaman yang bertolak daripada emosi tetap manusia dan sifat ini merupakan pelengkap kepada pernyataan keimanan seseorang. Oleh yang demikian, rasa ini merujuk kepada sifat-sifat insaniah yang lebih berfokus kepada sifat-sifat terpuji atau seperti mana yang dimiliki oleh akhlak Rasulullah s.a.w. Justeru, Islam melihat rasa sebagai emosi tetap yang bersifat hikmah, berakhlik, bijaksana dan merupakan lambang pengabdian kepada Allah s.w.t.

1.9.2.2 “Insan”

Takrifan “insan” menurut Che Zarrina Sa’ari dan Mohd Manawi Mohd Akib (2017: 88) merupakan makhluk ciptaan Allah ta’ala yang terbaik sebagai hamba dan khalifah di muka bumi yang mempunyai akal fikiran. Seseorang

insan harus mengenal konsep diri dan mengetahui potensi diri bagi memastikan setiap tindakan dan perlakuan adalah terbaik, sempurna dan selaras dengan tujuan penciptaannya sebagai hamba Allah s.w.t.

Menurut Shamsudin Othman (2012: 82-83), “insan” disebut dengan *an-nas* atau *al-insan* dalam bahasa Arab sudah diterima umum oleh masyarakat Melayu sebagai satu rujukan kepada manusia yang berakhlik baik serta beriman kepada Allah s.w.t. Istilah “insan” sentiasa dikaitkan dengan sifat terpuji iaitu baik budi pekerti, terpuji dan hidup dalam harmoni. Perkataan “insan” adalah kata nama umum dalam bentuk tunggal yang menjadi rujukan kepada lelaki dan wanita. Hal ini bermakna “insanah” tidak merujuk kepada wanita. Tambah Shamsudin Othman (2012: 84) lagi, perkataan “insan” pada asalnya disebut “insani” yang merujuk kepada makna sifat-sifat kebaikan dan kemuliaan.

Selain itu, Ismail Abdullah Siputeh (2006: 2-5) menyatakan bahawa kebiasaannya orang Arab menyebut “insani” (manusia kecil) dalam bentuk *tasghir* (meletakkan baris hadapan kepada huruf pertama) yang difahami sebagai kata nama yang berasal daripada *al-Nas* yang bermaksud jinak, peramah atau suka bergaul iaitu lawan kepada perkataan liar. Hal ini bermakna “insan” sering dikaitkan dengan keperibadian yang baik, bersikap peramah dan juga keinginan untuk bermasyarakat.

Selain itu, Mohd Affandi Hassan (2005: 17) menyatakan bahawa manusia dinamakan insan kerana sifat pelupanya (*nisyān*). Sifat ini dikatakan menjadi punca penderhanaan yang mendorong manusia untuk bertindak zalim dan jahil. Selain itu juga, Imam Ghazali menyatakan bahawa manusia pada hakikatnya terdiri daripada empat unsur psikologi iaitu roh, akal, hati dan *nafs*. Empat unsur inilah yang akhirnya membentuk manusia (Mohd Affandi Hassan, 2005: 18).

Kesimpulannya, berdasarkan pendapat-pendapat di atas, dapatlah difahami bahawa insan merupakan sebaik-baik kejadian yang diciptakan mempunyai iman di dalam diri dan akal yang dapat melawan *nafsu* serta membezakan baik dan buruk sesuatu perkara. Hal ini bermakna, insan merupakan seseorang yang sedar akan tujuan penciptaannya, faham akan tanggungjawabnya dan jelas dengan fungsinya untuk menjadi manusia yang mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Secara tidak langsung, seseorang insan akan menunaikan segala perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa insan yang baik akan didasari dengan sifat *amal makrūf nahi mungkar* dan berusaha untuk mencapai matlamat dalam mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.

1.9.2.3 “Rasa Insaniah”

Menurut Shamsudin Othman (2012: 7), konsep “rasa insaniah” merupakan “rasa” (perasaan) yang dapat dikaitkan dengan sifat-sifat insan (insaniah), iaitu rasa yang terbit daripada kesedaran terhadap pengabdian kepada Allah s.w.t. Tambah Shamsudin Othman (2012: 26) lagi, dalam konteks “rasa insaniah”, perkataan “rasa” dan “insan” dilihat mempunyai hubungan dengan makna etimologi Melayu-Islam. Secara umumnya, “rasa” adalah perasaan yang terbit daripada unsur dalaman diri manusia. Rasa yang bersifat halus pula mempunyai hubungan dengan perasaan jasmaniah seperti rasa takwa, rasa taubat, rasa cinta dan sebagainya. Dalam Islam, istilah rasa ini dapat dikaitkan dengan kalbu, gerak hati dan unsur rohaniah yang merujuk kepada pengabdian diri kepada Allah s.w.t. Istilah “insan” pula bermaksud manusia yang baik, bersih daripada noda lahir batin serta hidup dalam harmoni (Shamsudin Othman, 2012: 83).

Menurut Sidek Baba (2012: 4), “insan” dalam konteks fitrahnya harus tunduk, patuh, akur dan taat kepada penciptaNya. Tambahnya lagi, insan dijadikan dalam keadaan semulia-mulia kejadian dan perlu mengaturkan hidup supaya insan menjadi sejahtera dengan bersandarkan sunnah Allah terhadap kejadian-Nya dan fungsi-Nya. Syed Muhammad Naquib al-Attas (2010: 17), mentakrifkan manusia sebagai insan kerana bersaksi akan kebenaran perjanjian yang menuntutnya untuk mematuhi perintah dan larangan Allah yang berseuaian dengan fitrahnya. Dalam konteks ini, insan yang dijadikan ikutan contoh terbaik ialah Nabi Muhammad s.a.w, iaitu insan yang diutuskan oleh Allah dengan akhlak yang mulia dan diutuskan ke muka bumi ini dengan tujuan untuk membina dan menyempurnakan akhlak manusia. Oleh itu, Shamsudin Othman (2012: 27) menyimpulkan bahawa “rasa insaniah” merupakan perasaan yang mendorong seseorang insan berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Kesimpulannya, dapat difahami bahawa Islam telah meletakkan rasa atau perasaan manusia pada kedudukan yang mulia kerana rasa akan menentukan tahap kecintaan manusia kepada Allah s.w.t. Manusia yang mempunyai sifat-sifat baik akan dapat membentuk peribadi diri ke arah pembentukan insan yang harmonis dan seimbang. Oleh itu, rasa yang merupakan fitrah kejadian manusia yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t perlu mempunyai kekuatan penghayatan terhadap gerak rasa untuk menjadikan manusia bertindak dengan lebih bijaksana. Justeru, rasa insaniah dapatlah dirujuk sebagai sifat-sifat terpuji sebagaimana akhlak Rasulullah s.a.w. Dalam Islam, rasa insaniah adalah emosi tetap yang bersifat hikmah, berakhlak, bijaksana dan merupakan lambang pengabdian kepada Allah.

1.9.3 “Nilai Keinsanan”

Ismail Abdullah Siputeh (2006: 16) menjelaskan bahawa “nilai keinsanan” merupakan nilai positif pantulan daripada keperibadian seseorang melalui akhlak dan perilaku yang baik. Insan dari sudut tasawwur Islam adalah kejadian yang terbentuk daripada dwi-pola yang berlainan tetapi bercampur dalam satu kejadian iaitu segumpal tanah dan satu tiupan roh oleh Allah.

Seterusnya, Mohd Affandi Hassan (2005: 15-16) pula menyatakan bahawa manusia secara tabii sentiasa ingin mengenal dan berbakti kepada Allah serta ingin berbuat kebaikan. Hal ini kerana ia merupakan sifat bersih dan suci iaitu fitrah. Tambah beliau lagi, manusia atau “insan” juga secara tabii mempunyai kesediaan untuk menerima ilmu dan tanggungjawab moral yang memberi kesan kepada kebebasan dalam memilih dan mengenal antara baik dan buruk. Oleh itu, insan dipertanggungjawabkan di atas segala setiap perlakuannya.

Menurut Siti Norain Mazuki (2013: 9) menjelaskan “nilai keinsanan” merupakan akhlak yang dicerminkan oleh diri seseorang. Nilai keinsanan tersebut ditonjolkan melalui keperibadian dan tingkah laku manusia sama ada berbentuk negatif atau positif. Tambahnya lagi, nilai keinsanan itu lahir daripada pertimbangan elemen kalbu, akal dan nafsu manusia.

Kesimpulannya, berdasarkan pernyataan tersebut, dapat dirumuskan bahawa dalam Islam, insan merupakan sebaik-baik penciptaan oleh Allah. Manusia diberikan akal dan fikiran untuk membezakan baik buruk sesuatu perkara. Manakala, keinsanan merujuk kepada perlakuan seseorang manusia dalam kehidupan secara negatif ataupun positif bergantung kepada pertimbangan akal dan iman diri mereka. Justeru, nilai keinsanan dapatlah difahami sebagai perlakuan manusia secara positif atau negatif berdasarkan tahap penaksiran diri mereka. Dalam setiap diri insan, perlu dipupuk dengan nilai-nilai yang baik. Hal ini kerana masyarakat yang berakhlik terpuji akan mewujudkan masyarakat yang harmoni.

1.9.4 “Novel”

S. Othman Kelantan & Abdullah Tahir (2003: 1) menyatakan bahawa “novel” merupakan istilah bahasa Inggeris yang berasal daripada perkataan bahasa Itali iaitu *novella* atau *novelle* yang bermaksud cerita dalam bentuk prosa panjang yang menggambarkan realiti kehidupan manusia. Malah, “novel” juga memaparkan sifat realiti manusia dalam berinteraksi sesama manusia dan dengan alam, menghayati kehidupan, menentukan arah dan tujuan hidup, serta mengingati kehidupan masa lampau mereka. Hal ini menjelaskan bahawa “novel” adalah cerita berkaitan dengan pengalaman manusia dalam bentuk prosa panjang dan kompleks.

Seterusnya, Talib Samat (1992: 11) menjelaskan bahawa "novel" merupakan bidang penulisan yang serius dan puncak dalam genre sastera kerana memerlukan penelitian yang mendalam tentang watak dan perwatakan, isu-isu yang ditulis, konflik, puncak peleraian cerita dan kesudahan cerita itu sama ada gembira atau sedih serta perlunya mengetuk, menjolok dan menguji pemikiran pembaca terhadap permasalahan yang ditulis. Ini menjelaskan bahawa novel adalah satu penulisan yang panjang dan mendalam tentang watak, isu, konflik, plot dan sebagainya.

Seterusnya, Ramli Isin (1987: 5) pula berpendapat bahawa istilah "novel" juga hampir sama dengan istilah "*roman*" yang berasal daripada genre *romance* yang berkembang pada pertengahan abad di Eropah. Persoalan yang diungkapkan dalam "*roman*" adalah tentang cerita-cerita kepahlawanan, pengembaraan dan kisah-kisah percintaan. Secara tidak langsung hal ini menunjukkan bahawa penulisan "*roman*" mahupun novel ini dijadikan sebagai perakam kehidupan manusia. Selain itu, tambah Ramli Isin lagi, dalam pengertian yang luas, "novel" merupakan satu bentuk cerita rekaan berbentuk prosa. Dalam menghasilkan sesebuah novel, elemen penting yang perlu ada adalah plot, alur yang kompleks, watak yang ramai, tema dan persoalan yang pelbagai serta suasana dan latar cerita yang beragam.

Tambahan itu juga, novel merupakan salah satu genre sastera yang penting dalam mendokumentasikan kehidupan manusia. Shahnon Ahmad (1989: 4) menjelaskan bahawa "novel" merupakan satu bentuk penafsiran rencana hidup manusia menerusi cereka. Novel merupakan rangkuman daripada tiga faktor utama yang timbal-menimbal antara satu dengan yang lain yang terdiri daripada pengalaman peribadi, realiti rencaman hidup dan imaginasi. Shahnon Ahmad (1991: 332) menganggap karya sastera sebagai "seismograf" kehidupan yang mencatat dan menganalisis segala aspek kehidupan, rintangan, halangan dan kemiskinan yang berlaku dalam dunia manusia.

Boulton (1975: 5) menyatakan bahawa "novel" adalah sebuah buku yang mengandungi cerita benar (*true*) tentang manusia dan masyarakat dalam bab-bab yang saling melengkapi. Menurut Heffron (2003: 141), struktur "novel" terdiri daripada permulaan, pengembangan, konflik, puncak dan peleraian.

Berdasarkan takrifan di atas, dapat dirumuskan bahawa novel merupakan bahan yang membawa cerita berkisar tentang kehidupan manusia. Dalam novel terdapat pelbagai elemen seperti tema, persoalan, watak dan perwatakan dan sebagainya. Bagi menghidupkan lagi penceritaan, elemen konflik, puncak dan peleraian digarap dengan teratur bagi menunjukkan kesatuan jalan cerita. Cerita yang digerakkan dengan elemen-elemen tersebut akan menjadikan sesebuah cerita itu lebih menarik dan berkesan. Selain didasari dengan elemen-elemen tersebut, novel juga berfungsi dalam membawa mesej dan nilai yang dapat memberi kebaikan dan pengajaran kepada masyarakat pembaca.

RUJUKAN

- A. Rahman Ahmad Jerlun. (1990). *Rukun Islam Formula Perpaduan Ummah*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (1993). *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah. (2018). “Perwatakan Wanita Melayu Muslim dalam Novel ‘Diari Seorang Jururawat’ karya Aminah Mokhtar”. *Journal of Nusantara Studies*. 3(2): 147-161.
- Abdul Qadir al-Jailani. (1997). *Hakikat Pengabdian* (Terj.). (Cetakan Kedua). Selangor: Thinker Library Sdn. Bhd.
- Abdul Rani. (2013). “Analisis Nilai-Nilai Akhlak Islam Dalam Kumpulan Cerita Rakyat Anak Hantu”. Program Studi Pendidikan dan Sastera Indonesia dan Daerah Pontianak. Universitas Tanjung Pura.
- Ahmad Ridha’ Hasbullah. (1999). *Taqarrub: Mendekatkan Diri kepada Allah*. Kuala Lumpur: Al- Hidayah.
- Al-Ghazali. (1982). *Ihya Ulumuddin Jiwa Agama*. Jilid 3. (Terj.). Kuala Lumpur: Victory Agensi.
- Ani Haji Omar. (2005). “Citra Manusia dan Kemanusiaan Dalam Puisi Melayu Moden di Malaysia”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Azizi Hj. Abdullah. (2001). *Ayahanda*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.
- Azrina Zainal Bahrin. (2001). “Dialek Kedah dalam Novel Ayahanda”. Projek Ilmiah Tahun Akhir. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Boulton, Marjorie. (1975). *The Anatomy of the Novel*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Che Zarrina Sa’ari & Mohd Manawi Mohd Akib. (2017). “Beberapa Persoalan Berkaitan Konsep Insan menurut Fakhr Al-Din Al-Razi”. *Jurnal Afkar*. Special Issue. 19: 87-114.
- Faisal Tehrani. (2010). “Tauhid dan Kepimpinan Perempuan dalam Salam Maria karya Fatimah Busu”. *Jurnal Melayu*. 5: 47-70.
- Fauzi Hasan. (2022). “Soul Conflict in Faisal Tehrani’s Selected Novels”. *Journal of Contemporary Social Science and Education Studies*. 2(1): 80-95.

- Hamka (Haji Abdul Malik Abdul Karim Abdullah). (1990). *Tafsir Al-Azhar Jilid 3*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.
- Haron Din. (2015). *Manusia dan Islam*. Jilid 1 (Cetakan Ketujuh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din. (2007). *Islam: Ibadah Pembina Tamadun Manusia*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Haron Din. (1997). *Manusia dan Islam*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasanuddin Md Isa. (1991). *Mereka yang Tertewas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatta Azad Khan. (2012). “Karya Besar Sastera dan Filem: Manifestasi Maruah dan Ketamadunan Bangsa”. *International Journal of Arts, Culture & Heritage*. Special Edition. 1: 1-15.
- Heffron, Jack. (2003). *The Writer’s Idea Workshop*. Cincinnati: Writer’s Digest Book.
- Hj. Ajeng Kartini. (2012). “Taqwa Penyelamat Ummat”. *Al ‘Ulum*. April 52(2): 26-35.
- Ibnu Al Jauziy. (2005). *Shaidul khatir: Cara Manusia Cerdas Menang dalam Hidup*. Jakarta: Pustaka Maghfirah.
- Intan Zahariah Gaisun & Arba’ie Sujud (2019). “Beriman kepada Allah SWT sebagai Fitrah Manusia dalam Skrip Drama ‘Tiang Seri Tegak Berlima’ karya Noordin Hassan”. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 10: 1-11.
- Ismail Abdullah Siputeh. (2006). *Insan dari Aspek Etimologi dan Perspektif Islam*. Bandar Baru Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Ismail Ibrahim. (1977). “...tulisan yang berdasarkan tauhid..”. *Dewan Sastera*. Ogos 1977: 4-5.
- Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid. (2018). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Modul Fardu Ain Diri, Keluarga dan Masyarakat Sepanjang Hayat. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Jihad dan Konsepnya*. Penerbit: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Jabatan Perdana Menteri. 28 Disember 2016 diakses di laman web <http://www.islam.gov.my/ms/e-penerbitan/2145-jihad-dan-konsepnya>
- Kamariah Kamarudin. (2011). “Nilai Tarbiah dan Islah Wanita Melayu Islam Pascamerdeka: Satu Analisis Terhadap Novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Surat-surat Perempuan Johor*”. *Jurnal Pengajian Melayu*. 22: 164-184.

- Kamariah Kamarudin. (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin. (2013). "Dimensi *Habl Min Allah* dan *Habl Min Al-Nas* dalam *Kembara Seorang Hamba* Karya Shahnon Ahmad". dlm *Anggerik Cinta Shahnon Ahmad*. Penerbit: Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kart. G. Heider. (1991). *Landscapes of Emotion*. New York: Cambridge University Press.
- Kassim Ahmad. (1982). "Menuju Sebuah Teori Sastera Islam". *Dewan Sastera*. November 1982: 25-28.
- Lutfi Abas. (1995). *Kritikan Karya Sastera sebagai Karya Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma'amor Yusoff & Norasiah Hj. Abdullah. (2016). "Sastera Islam Penunjang Pembentukan Akhlak Modal Insan". *Jurnal Akademik IPG Kampus Pendidikan Islam*. 6: 131-140.
- Maharam Mamat, Maisarah Yaacob & Norasiah Abdullah. (2012). "Turbiah dalam Novel *Papa...(akhirnya kau tewas jua!)*". *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Julai 13: 125-138.
- Maisarah Yaacob. (2017). "Unsur Turbiah dalam Novel Komsas". Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Maisarah Yaacob, Maharam Mamat & Norasiah Abdullah. (2013). "Pendidikan Keinsanan dalam Novel Komsas". *IPG Kampus Pendidikan Islam: Jurnal Akademik*. 3: 6-14.
- Manu Sikana. (1983). *Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Marfuah Mohd Safuan. (2000). "Analisis Struktur Dialog dalam Novel 'Mereka yang Tertewas'". Projek Ilmiah Tahun Akhir. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Marsli N. O. (2011). "Kota Intifadah dari Aspek "Rasa Takwa" Menurut Model Rasa Insaniah". *Dewan Sastera*. 41 (1-6) Mei 2011: 39-42.
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. (2016). "Pemanfaatan Fundamental Akhlak Islamiah Watak Protagonis dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El-Shirazy". *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. September 3(3): 21-44.

- Mohd. Affandi Hassan. (2005). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shukrey Ahmad & Kamariah Kamarudin. (2018). "Nilai Islam dalam Komik Majalah Dewan Pelajar". *Jurnal Melayu*. 17(1): 49-73.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2006). "Aspek Gaya Bahasa dalam Teks Sastera Melayu Berunsur Islam". *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 7: 53-66.
- Muhammad Abul Quasem (1978). *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethics in Islam*. New York: Caravan Book.
- Muhamad Amirul Asraf Mohd Darawi & Kamariah Kamarudin. (2018). "Manhaj Akidah Imam al-Syafie dalam Novel Rimba Jiwa dan Qalam Kalbu". *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 5(2): 289-301.
- Muhammad Fuad Kamaludin. (2007). *Cahaya Jalan yang Lurus*. Kuala Lumpur: Sofa Production.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). "Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak". *Jurnal Melayu*. 20(1) 2021: 79-92.
- Muhammad 'Uthman Najati. (1993). *Jiwa dalam Pandangan Para Filosof Muslim*. Bandung: Siri Yayasan Penerbitan Indonesia 1993: 188-189.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). "Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman dalam Novel Ayahanda". *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu (UMS) & Bahasa*. Disember 30: 103-129.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). "Aspek Dakwah dalam Novel Suriati berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu". *Malay Literature*. 32(1): 116-144.
- Noorzedah Che Awang. (2000). "Novel Mereka yang Tertewas dan Di Sebalik Sebuah Kubah: Kajian Gaya". Projek Ilmiah Tahun Akhir. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Nor Fadzila Ali. (2001). "Frasa Sendi Nama dalam Novel 'Mereka yang Tertewas'". Projek Ilmiah Tahun Akhir. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Nora Mohamed Nor. (2006). "An Islamic Reading of Moral Issues in Malay Novels". Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Siti Faridah Leong Abdullah. (2021). "Akhlik Pemimpin berdasarkan Teks Sulalatus Salatin".

International Journal of Humanities, Philosophy and Language. 4(14): 16-27.

Nursafira Lubis & Asem Shehadeh Ali. (2014). "Nilai-Nilai Islam dalam Ayahanda Karya Azizi Haji Abdullah". Prosiding Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014). Batu Pahat, Johor. 9-10 April 2014: 259-274.

Nursham Abdul Aziz. (2015). "Novel-Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti". Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.

Nurazmi Kuntum. (1991). *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nursuhada Md Arifin & Kamariah Kamarudin. (2017). "Personaliti Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali dalam Novel Tuhan Lebih Saintifik Karya Farhan Hadi". *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*. Universiti Malaysia Sabah. Bil. 25/2017.

Nur Syazwani Bederohisham & Zubir Idris. (2020). "Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Melayu". *Jurnal Melayu*. 19(2): 287-305.

Nyia See Keng. (2004). "Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Sajak-Sajak J. M. Aziz dan T. Alias Taib". Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.

Rahimah Hamdan. (2021). "Membina Personaliti Kanak-Kanak dan Remaja Berdasarkan Hikayat Musang Berjanggut". *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(1): 173-187.

Ramli Isin. (1987). *Berkenalan dengan Novel*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Rida Yatun, Chairil Effendy & Sesilia Seli. (2013). "Nilai Islami dalam Novel Sang Pencerah Karya Akmal Nasery Basral". *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*. Mei 2(5): 1-12.

Rukiah Mohamad. (2008). *Asas-Asas Pembinaan Insan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.

S. Othman Kelantan & Abdullah Tahir. (2003). *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern: Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Samsina Abd. Rahman. (2013). "Kembali ke Fitrah dalam Puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad". *Jurnal Melayu*. Disember 11: 79-98.

Sayyid Siddik. (1990). *Asrar al-Jamal*. Kuala Lumpur: Pustaka Shamiah.

Shafie Abu Bakar. (1995). "Pengaruh dan Kekuatan Islam dalam Persuratan Melayu" dlm. Shafie Abu Bakar (ed.). *Himpunan Makalah Teori Takmilah*.

- Bangi: Jabatan Persuratan Melayu FSKK.
- Shafie Abu Bakar. (1978). "Sastera Melayu dan Islam". *Dewan Sastera*. Oktober 1978: 44-51.
- Shahnon Ahmad. (1999). "Ayahanda: Novel Biografi-Autobiografi Mirip Karya Konfesi-Introspeksi". *Dewan Sastera*. Jun 1999: 91-95.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1989). *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shahnon Ahmad. (1977). "Sastera Islam". *Dewan Bahasa*. Julai 1977: 426-427.
- Shamsudin Othman. (2012). "Model Rasa Insaniah dalam Puisi Islam Tiga Penyair Nusantara". Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Shamsudin Othman. (2010). "Gemuruh Rinduku: Analisis Model Rasa Insaniah". *Dewan Sastera*. Ogos. Jilid 40 (7-12) 2010: 13-18. Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsudin Othman. (2007). "Mahabbah: Rasa Insaniah dalam Takah Gelora Husnulkhatimah". Diakses pada 20 Mac 2019 dalam laman web <http://shamsudinothman.blogspot.com/2007/11/seminar-sasterawan-negara-shahnon-ahmad.html>
- Sidek Baba. (2012). *Pengurusan Islami: Aplikasi Ihsan dan Insan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn. Bhd.
- Siti Norain Mazuki. (2013). "Nilai Insaniah dalam Novel Terpilih Sri Rahayu". Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rabiah Masri, Kamariah Kamarudin & Pabiyah Haji Maming. (2013). "The Muslim Woman's Personality and the Development of Insan Al-Kamil in the Novels of Faisal Tehrani and Isa Kamari". *Malay Literature*. 26(1): 38-64.
- Siti Rabiah Masri. (2012). "Perbandingan Sahsiah Muslimah Dalam Novel-Novel Pilihan". Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Sohaimi A. Aziz. (1998). *Rasa- Fenomenologi Penerapan terhadap Karya A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2010). *Islam dan Sekularisme*. Bandung:

Institut Pemikiran Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN).

Talib Samat. (1992). *Menangani Penulisan Kreatif Sastera Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tchiki Davis. (2022). "Manifestation: Definition, Meaning, and How to Do It". Diakses pada 2 Jun 2022 dalam laman web <https://www.berkeleywellbeing.com/>

Tengku Intan Marliana Tengku Mohd. Ali & Salinah Ja'far. (2012). "Pemerksaan Modal Insan: Pembentukan Sikap dan Akhlak Islamiah dalam Novel". *Jurnal Melayu*. 9: 55-73.

Ummi Hani Abu Hassan & Nur Raudah Siren. (2020). "Konsep Cinta Romantisisme Islam berdasarkan Teori Model Rasa Insaniah". *International Journal of West Asian Studies*. 12: 288-303.

Wan Zamzarina Jalaludin (2002). "Mereka yang Tertewas dan Hidayah: Satu Kajian Watak dan Perwatakan". Projek Ilmiah Tahun Akhir. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.

Zahir Ahmad. (2005). "Peranan Sastera Islam dalam Pembentukan Akhlak Penduduk Alam Melayu". *Jurnal Pengajian Melayu*. 15: 254-265.

Zaidi Ahmad, Azhar Abdul Wahid & Abdul Halim Ali. (2020). "Kerasulan Insan Kamil Membentuk Modal Insan dalam Novel Imam". *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 8(2): 16-27.

Zakaria Stapa. (2001). *Akidah & Akhlak dalam Kehidupan Muslim* (cetakan kedua). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Zulkiple Abd. Ghani & Nor Salimah Abu Mansor. (2006). "Penghayatan Agama sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis terhadap Beberapa Pandangan al-Imam al-Ghazali". *National Student Development Conference (NASDEC)* 8-9 Ogos 2006. Kuala Lumpur, Malaysia. UTM Institutional Repository.